

13 JUL 2000

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PERANCIS

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengirimi perutusan tahniah kepada Presiden Perancis Jacques Chirac sempena Hari Kebangsaan negara itu hari ini.

"Bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Perancis, Beta dan Raja Permaisuri Agong mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan dan rakyat Perancis," menurut perutusan itu yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Lionel Jospin.

"Peningkatan kerjasama antara Malaysia dan Perancis mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa amat dipuji. Berikutan kemunculan globalisasi, Malaysia dan Perancis boleh bekerjasama bagi menghadapi cabaran pada tahun-tahun akan datang," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan kepada Menteri Luar Perancis Hubert Vedrine berharap semoga mereka dapat bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama demi kepentingan bersama.

-- BERNAMA

RV FAZ